



TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP Bil 3 /2018

27 NOVEMBER 2018 (SELASA)

8.45 PAGI

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang

Pengerusi PUSPANITA MPSP

En. Mohd. Tahir bin Othman

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

En. Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

En. Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Pn. Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Jurubahasa Isyarat

Rakan - rakan Media

Seluruh Kakitangan MPSP

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Di pagi yang barakah ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Puan Ir Hjh Rosnani, Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Wakil-Wakil Persatuan, Rakan-Rakan Media dan seluruh kakitangan yang hadir pada pagi ini. Terima kasih sekali lagi kerana tuan-tuan dan puan-puan masih tetap berkumpul di sini walaupun saya faham terdapat banyak tugas-tugas penting yang menanti terutama ahli-ahli majlis yang mempunyai banyak tugasan seperti mesyuarat, aduan, bertemu penduduk dan bermacam-macam lagi aktiviti. Walau apa pun tujuan kita, niat kita lakukan ini adalah untuk beribadah serta ingin memberikan yang terbaik untuk organisasi dan rakyat Seberang Perai.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pegawai baru kita iaitu, Cik TPr Neoh Siew Yin yang baru ditukarkan ke MPSP bagi menggantikan Encik Muhammad Reduan Bin Jaafar, Pegawai

Perancang Bandar di Unit OSC. Moga beliau akan terus cemerlang menyumbang bakti di Seberang Perai.

Saya ingin mengimbau sejenak pencapaian-pencapaian yang telah MPSP perolehi sepanjang tahun 2018. Yang terbaru, pada 22 November 2018 MPSP telah berjaya merangkul **JOHAN** Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Kategori ICT) bagi aplikasi MyMPSP. MyMPSP adalah aplikasi aduan generasi cyber. Aduan boleh dibuat hanya dengan tiga (3) langkah iaitu (i) Snap photo (ii) Huraikan masalah (iii) Hantar. Tahniah dan syabas kepada Pengarah Jabatan Teknologi, Informasi dan Komunikasi, Encik Abd.Fikri Ridzauudin bin Abdullah, Puan Raja Mashitah, Puan Nanthitha a/p Arunasalam dan Puan Syazwani binti Abdullah. Aplikasi MyMPSP boleh dimuat turun melalui smart phone dan gadget menggunakan platform Android melalui Play Store atau iOS melalui App Store. Usaha gigih ini telah membawa hasil iaitu kutipan hasil telah meningkat dari tahun 2017 RM 6,927,716 (15,576 transaksi) kepada RM 9,996,052 (21,177 transaksi) sehingga 31 Oktober 2018.

Justeru, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Encik Wan Junaidy selaku Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan

Antarabangsa yang telah mengendalikan aplikasi MyMPSP dan semua Ketua Jabatan serta rakan-rakan kakitangan MPSP yang menjayakan pelaksanaannya.

Begitu juga pada Pengarah Jabatan Kemasyarakatan, Puan Norhayati Sulaiman dan kumpulannya Puan Fatin Habsah binti Ahmad, Puan Mishna a/p Manoharan, Encik Chew Eng Seng yang telah menerima anugerah **NAIB JOHAN** bagi Kategori bukan ICT iaitu Karnival Upcycle. Kepada Pengarah Jabatan Encik Baderul Amin dan kumpulannya Encik Kamal Bin Muhammad Raini, Penolong Pengarah Kejuruteraan dan Puan Nurhashima binti Ishak, Penolong Jurutera kerana telah memenangi **NAIB JOHAN** untuk *innovation blast bagi* kategori teknikal dengan tajuk simulasi pemanduan. Tahniah dan syabas. Kepada yang tidak menerima anugerah, saya juga ingin ucapkan tahniah dan terima kasih kerana anda telah berusaha bersungguh-sungguh sehingga sampai ke tahap ini. Jangan putus asa, kita cuba tahun hadapan.

MPSP juga telah dipilih menjadi pemenang pelaksanaan inisiatif program pengkomposan sisa (kategori perbandaran/ perbadanan) bagi Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan

Hijau 2018 yang diterima pada 3 November 2018 di Alor Star daripada Menteri Wilayah Persekutuan. Tahniah kepada Puan Kamariah Binti Ramli daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Encik Chew Eng Seng daripada Jabatan Kemasyarakatan.

Selain itu, MPSP juga telah menerima '*Diamond Recognition*' bagi program *Low Carbon City Framework (LCCF)* daripada *Malaysia Greentech Corporation* pada 18 Oktober 2018 melalui kategori *One system Approach* iaitu melalui pencalonan Menara MPSP untuk dijadikan kayu ukur bagi pengurangan pelepasan karbon oleh sektor bangunan. Saya berasa bangga kerana MPSP antara sektor awam yang terawal menyertai program LCCF ini yang bermula sejak tahun 2016. MPSP berjaya mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 4.95% yang bersamaan dengan 77.30 tan CO₂e. Tahniah kepada Encik Ismail bin Abd Manaf, Ketua Unit OSC dan Encik Ahmad Zaberi bin Mohamed Sarajudin, Ketua Jabatan Pengurusan Krisis.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Unit OSC, Encik Ismail Bin Abd Manaf, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Puan Norliza binti Abdullah, ahli-ahli majlis yang menduduki Jawatankuasa OSC

dan semua Pengarah Jabatan kerana berjaya menimbang dan memutuskan semua Pelan Kebenaran Merancang (PKM) 100% dalam tempoh KPI KPKT. Kejayaan ini tidak pernah dicapai dalam sejarah OSC sebelum ini.

Pada 29 Oktober hingga 1 November 2018, pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd telah melaksanakan Audit Pemantauan *Integrated Management System* (Sistem Pengurusan Berintegrasi) ke atas MPSP. MPSP merupakan PBT pertama di Malaysia yang melaksanakan audit integrasi bagi enam sistem kualiti. Dengan hanya diberi beberapa ketidak akuran kecil. Pengarah hendaklah segera menyelesaikan ketidak akuran kecil ini dengan segera supaya MPSP akan menjadi organisasi pertama yang menerima IMS. Tahniah dan syabas kepada En Wan Junaidy, Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa dan Cik Rohanawati Ahmed daripada Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa kerana telah berjaya menyelaraskan program ISO di MPSP.

Salah satu program 8R iaitu Perkongsian pintar dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam mewujudkan Mural 3D menggunakan konsep "*Re-Imagining Sludge as Resources*" di mana mural

yang dihasilkan menggunakan tudung botol plastik yang telah digunakan. Ini merupakan salah satu usaha MPSP dalam menjaga alam sekitar dan mencantikkan kawasan dengan bahan terbuang. Lebih kurang 71,000 tudung botol plastik telah dikumpulkan untuk projek ini. Mural 3D adalah berdasarkan gambar tempat-tempat indah yang terpilih di Seberang Perai dan disiapkan pada bulan Oktober 2018. Tahniah syabas kepada semua kakitangan MPSP yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam projek ini. Usaha ini menengahkan konsep *reuse* dalam pembinaan mural 3D ini dan tidak memerlukan tenaga untuk menghasilkan sesuatu yang baru dan dengan itu tiada pelepasan karbon.

Pada 7 September 2018, MPSP telah mendapat pengesahan daripada *The Malaysia Book Of Records (MBR)* di atas pencapaian sebagai “*Largest Golden Penda Tree Planting Events*” di atas usaha MPSP bersama Ahli Majlis, Klinik Cure and Care, kakitangan Hospital Seberang Jaya, Bertam Properties, guru-guru dan murid-murid daripada sekolah menengah dan rendah serta penduduk setempat dalam usaha menanam 5110 batang pokok yang telah diadakan dengan jayanya. Seramai 3200 peserta yang hadir bersama-sama dengan kakitangan MPSP pada 7 September 2018. Terima kasih sekali lagi kepada semua ahli-ahli majlis kerana secara kolektifnya menyumbang 450 batang pokok

berjumlah RM 67,500.00. Tahniah kepad Pengarah Jabatan Lanskap, Encik Shaqhrony bin Md Yusoff, Puan Siti Fatimah Binti Ismail dan kakitangan lanskap.

Pada 27 Julai 2018, MPSP telah mendapat pengesahan daripada *The Malaysia Book Of Records (MBR)* atas pencapaian sebagai “*First Organization To Develop Upcycle Park*”. Upcycle Park ini tidak terdapat di tempat lain dan satu-satunya di Malaysia adalah di Seberang Perai. Tahniah kepada Wira Orange MPSP dibawah Encik Mohd Puad, Pengarah Jabatan Perbandaran dan Encik Sofian bin Shaari, Encik Baderul Amin, Pengarah Jabatan Kejuruteraan dan pegawai-pegawai lain di Jabatan Lanskap kerana telah berjaya mentransformasikan kolam takungan kepada satu (1) tempat awam/riadah yang tersohor. Tahniah kepada mereka yang terlibat kerana keringat yang mengalir daripada badan yang lesu tidak sia-sia malahan menjadi ibadah yang berkekalan.

MPSP juga mengorak langkah sekali lagi dalam menganjurkan *Seberang Perai International Conference On Eco Tourism (SPICEC 2018)* pada 8 hingga 9 Oktober 2018. Konferens kali ini telah menarik perhatian sebanyak 322 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan individu daripada pelbagai latar belakang dan membariskan 26 penceramah

daripada dalam dan luar negara. SPICEC 2018 kali ini membawa konsep inklusif. Konferens ini diadakan di hotel bertaraf 5 bintang manakala makan malam secara *food truck* di jalanan. Pendekatan ini memberi peluang kepada semua pihak untuk mendapat pendapatan daripada program bertaraf antarabangsa. Terima kasih kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Majlia, Puan Siti Haslinda dan pasukannya serta Ahli Jawatankuasa SPICEC 2018 yang telah berjaya menganjurkan program bertaraf antarabangsa ini. Tahniah juga kepada Puan Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod, Puan Setiausaha Perbandaran dan Encik Mohd Ridzal bin Abdul, Ketua Unit Pelancongan, seni dan warisan yang telah menyumbang kepada konsep *food truck* bagi makan malam tersebut.

Di samping itu, ucapan tahniah juga kepada Encik Shahrulnizad bin Abdul Razak, Pengarah Jabatan Perbendaharaan dan kakitangannya kerana telah berjaya mengekalkan reputasi kewangan yang baik dalam menerima Sijil bersih sebanyak 17 kali daripada tahun 2001 hingga 2017. Begitu juga tahniah kepada Encik Mat Nasir daripada Jabatan Penilaian dan kakitangannya kerana telah berjaya menyumbang hasil sebanyak RM3.416 daripada pendapatan sewaan harta Majlis manakala untuk cukai taksiran , pertambahan hasil cukai baru untuk tahun ini ialah RM5.624 juta.

Hasil keseluruhan cukai taksiran MPSP untuk tahun ini ialah RM183.77 juta yang merupakan pendapatan utama MPSP. Tahniah juga kepada Encik Nazri Bin Abdul Wahab, Pengarah Direktorat Penguatkuasaan dan kakitangannya kerana berjaya tingkatkan kutipan kompaun sebanyak RM768,720.00. Tahniah juga kepada Cik Noorhanis Binti Noordin, Pengarah Bangunan dan kakitangannya kerana berjaya menganjurkan Program Mesra Pelanggan sebanyak tiga (3) kali pada tahun ini. Tidak lupa juga kepada Puan Norlizawati Sidek Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan kakitangannya kerana berjaya menganjurkan program *Strata kids*, satu program baru bagi pelajar-pelajar sekolah di komuniti strata. Tahniah juga kepada Puan Asma Binti Othman daripada Unit Audit Dalam dan kakitangannya kerana telah membantu MPSP mendapat penarafan lima (5) bintang di bawah pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti). Bermula pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan cemerlang daripada empat (4) bintang kepada lima (5) bintang bagi memenuhi keperluan semasa sektor awam.

Berkuatkuasa 1 November 2018, Encik Mohd Ibrahim Bin Mohd Nor telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan. Sepanjang beliau ditugaskan di Jabatan Kesihatan, terdapat pelbagai usaha yang telah dibuat. Antaranya mengadakan karnival haiwan kesayangan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2018 dengan kerjasama

Doktor Veterinar Swasta dan Universiti Malaysia Kelantan, Kempen derma darah dan menyediakan garis panduan ladang ternakan unggas. Tahniah dan syabas kepada beliau dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Bertepatan dengan bulan November yang merupakan Bulan Integriti Kebangsaan yang disambut setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Oleh itu, saya berharap semua kakitangan MPSP menjadikan integriti satu budaya kerja kita seharian. Tanamkan prinsip ketelusan dalam melaksanakan kerja serta memastikan maklumat sulit sentiasa dipelihara dan tidak menyebarkan maklumat yang tidak betul. Sempena bulan integriti, saya bersetuju memberikan sijil penghargaan kepada Penguatkuasa daripada Jabatan Direktorat dan Penguatkuasaan iaitu i.) Encik Syahrizal Bin Mat Sarip ii.) Encik Mohammad Hafizuddin Bin Mohd Nizam iii.) Encik Muhammad Adam Bin Din kerana telah menunjukkan integriti yang tinggi semasa menjalankan tugas. Saya juga bersetuju memberikan sijil penghargaan kepada *instructor* senam sihat iaitu i.) Encik Md Nor Bin Sepiey dan ii.) Encik Hassan Bin Hashim.

Sekarang ini media sosial menjadi tempat sesi luahan, kritikan, komen dan perbualan untuk rakyat Malaysia dalam mengutarakan sesuatu perkara, sama ada ianya menyentuh isu diri sendiri, keluarga, komuniti, teman-teman, pejabat atau tempat kerja termasuklah isu politik, kaum dan agama dalam negeri, negara mahupun luar negara.

Saya menyeru sebagai kakitangan awam, kita perlu memastikan agar kita tidak terjebak dalam meluahkan komen, kritikan atau kata-kata yang megundang persepsi negatif serta boleh mendatangkan isu sama ada isu perkauman, politik, negeri,negara dan sebagainya yang boleh menjelaskan kredibiliti kita sebagai kakitangan awam serta MPSP atau Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Audit Persijilan Semula 5S akan dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 20 Disember 2018. MPSP telah mendapat persijilan 5S pada tahun 2014. Untuk mengekalkan persijilan

yang ada, semua kakitangan MPSP perlulah menunjukkan konsistensi serta peningkatan dalam pelaksanaan 5S.

Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan diminta untuk memastikan amalan 5S di jabatan masing-masing dilaksanakan secara berterusan. Adalah didapati ada jabatan yang tidak melaksanakan 5S secara konsisten, hanya membuat kemaskini bila mana ada Audit Dalaman dan Audit MPC. 5S hendaklah dijadikan budaya kerana ianya merupakan asas kepada semua Sistem Kualiti di MPSP dan ianya membantu dalam pembentukan peribadi serta cara kerja yang lebih kemas dan sistematik.

Masalah yang ada pada masi kini adalah Pegawai dan Jawatankuasa sendiri tidak menunjukkan contoh teladan mengamalkan 5S secara konsisten. Sepatutnya Ketua Jabatan, Pegawai, Fasilitator dan Jawatankuasa 5S sendiri melaksanakan 5S dan membuat pemantauan setiap masa termasuk membuat *spot check* di *work station*, bilik stor dan bilik fail di jabatan masing-masing. Kepimpinan Melalui Teladan hendaklah dititip dalam setiap pengurusan dan pentadbiran di MPSP bagi menjamin amalan kerja Cemerlang dan Efisyen.

Saya mahukan mulai hari ini, semua Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai kanan dan kakitangan mengambil serius untuk memperbaiki keadaan 5S di jabatan masing-masing. Janganlah hanya menunggu ketibaan audit baru nak mengambil tindakan. Pastikan setiap kakitangan mendapat pendedahan dan melaksanakan 5S tanpa sebarang alasan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Semua kakitangan termasuklah pengurusan hendaklah sentiasa memakai Tag Nama/Lencana pengenalan diri semasa berada di Menara MPSP. Ini adalah kerana, didapati ada pegawai dan kakitangan sendiri yang tidak memakai lencana berkenaan semasa masuk, mahupun sepanjang tempoh bekerja di Menara MPSP ini.

Pengenalan nama ini merupakan salah satu keperluan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO 27001:2013 dan 5S untuk memastikan keselamatan Aset Informasi di bagunan ibu pejabat/ menara MPSP termasuk keselamatan semua kakitangan serta orang awam yang berada dalam bangunan ini.

Pengawal Keselamatan yang bertugas hendaklah membuat pemantauan setiap masa bermula dari pondok pengawal di pintu masuk Menara MPSP sehingga di lobi utama dan Kaunter Berpusat. Setiap pelawat hendaklah dipastikan mendapatkan Kad/Pas Pelawat setiap kali hendak memasuki jabatan-jabatan MPSP. Satu orang satu kad/pas yang perlu diberikan dan ianya tidak boleh dikongsikan. Peraturan ini adalah terpakai kepada semua Pelajar Amali sepanjang tempoh mereka membuat Latihan Amali/Praktikal di MPSP termasuklah kontraktor-kontraktor MPSP.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Di sini saya ingin memaklumkan bahawa MPSP mempunyai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari yang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang rakan pembimbing.. Pasukan AKRAB MPSP telah ditubuhkan pada tahun 2016 dan mempunyai kekuatan seramai 27 orang ahli AKRAB yang dipilih dari Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana.

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sekerja

sepertimana dikehendaki dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 tahun 2005. Rakan Pembimbing merupakan agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam perkhidmatan awam. Ia diwujudkan dengan objektif bagi menyediakan perantaraan untuk memberi peluang pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurus Sumber Manusia di agensi. Disamping itu, Rakan Pembimbing juga bervisi menjadi penyumbang kepada usaha modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.

AKRAB adalah rakan pembimbing, pembimbing rakan sekerja, pegawai khidmat nasihat, pegawai khidmat kaunseling dan pelbagai nama yang merujuk kepada peranan sebagai rakan pembimbing di agensi. Justeru, dengan ini saya ingin memperkenalkan pegawai-pegawai yang dilantik sebagai AKRAB (**Seperti di Lampiran A**) untuk datang ke hadapan. Mudah-mudahan dengan adanya AKRAB ini, segala permasalahan atau isu-isu berkaitan kakitangan dan kerja dapat diatasi dengan sebaiknya.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Akhir kata daripada saya, kejayaan sesebuah organisasi bukan bergantung hanya kepada Yang Dipertua, ahli majlis, Puan Setiausaha sahaja. Tetapi kejayaan sesebuah organisasi itu bergantung kepada kerjasama semua pihak termasuk *stakeholders*. Marilah kita sama-sama mentransformasi fikiran dan tindakan kita demi kelestarian hari esok. Sekali lagi tahniah dan syabas kepada semua kakitangan MPSP atas pencapaian 2018 dan saya berharap agar tahun 2019 akan memberikan lebih banyak pencapaian yang cemerlang dan memberi impak yang besar kepada kesejahteraan hidup rakyat Seberang Perai.

**Dengan ini saya akhiri ucapan perhimpunan korporat ini dengan
Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.